

DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA PERJANJIAN PERKHIDMATAN

YB Menteri Kewangan selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 80(2) Akta Setem 1949 telah memutuskan dasar duti setem ke atas surat cara perjanjian perkhidmatan seperti berikut:

- i. surat cara perjanjian perkhidmatan yang disempurnakan mulai 1 Januari 2011 dikenakan duti setem pada kadar **ad valorem 0.1% ke atas nilai kontrak perkhidmatan**;
- ii. sekiranya suatu perkhidmatan melibatkan pelbagai peringkat (*multi-tier*), surat cara perjanjian perkhidmatan tersebut dikenakan duti setem pada kadar **ad valorem 0.1%** di **satu peringkat sahaja**. Kadar duti setem **ad valorem 0.1%** ini akan dikenakan sama ada:
 - a. di **peringkat pertama** bagi perjanjian perkhidmatan yang disempurnakan antara sesuatu **entiti swasta** dengan penyedia perkhidmatan.

ATAU

- b. di **peringkat kedua** bagi perjanjian perkhidmatan yang disempurnakan antara sesuatu **entiti yang dikecualikan bayaran duti setem** (contohnya, Kerajaan Malaysia) dengan penyedia perkhidmatan.

Surat cara perjanjian perkhidmatan yang disempurnakan di lain-lain peringkat dikenakan duti setem **pada kadar tetap RM50 sahaja dan duti selebihnya diremitkan**.

30 Disember 2010

Maklumat Tambahan:

Bagi melaksanakan keputusan tersebut di atas, Perintah Duti Setem (Peremitan) (No.4) 2010 [P.U.(A)476] bertarikh 30 Disember 2010 telah diwartakan.

Bahagian Analisa Cukai
Kementerian Kewangan

3 Januari 2011